

Tiada PKP bagi elak keruntuhan sistem sosial dan ekonomi negara

# SOP lebih ketat - PM

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
utusannews@mediamula.com.my

**PUTRAJAYA:** Kes positif Covid-19 mencatatkan sebanyak 691 kes semalam, rekod tertinggi dalam sejarah penularan wabak berkenaan di negara ini.

Biarpun jumlah itu membimbangkan semua pihak, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, tidak ada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sekali lagi akan dilaksanakan di seluruh negara kerana ia boleh membawa kesan besar yang dikhuatiri meruntuhkan sistem sosial dan ekonomi negara.

Beliau menjelaskan, apa yang akan dilakukan kerajaan adalah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Bersasar (Temco) di kawasan-kawasan yang dikenal pasti mempunyai kes Covid-19 tinggi.


Dengan itu katanya, aktiviti ekonomi dan sosial di kawasan-kawasan lain yang tidak terjejas boleh diteruskan dengan amalan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat dan penguatkuasaan undang-undang yang tegas.



## Ujian saringan

SEBAHAGIAN pelajar Sekolah Kebangsaan Taman Tasik Ampang menjalani ujian saringan Covid-19 di Klinik Kesihatan Beranang, Selangor semalam susulan seorang guru sekolah tersebut yang didapati positif. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI (Lagi berita di muka 3-6)

Bersambung di muka 2



**SEORANG** pemuda mengikuti Perutusan Khas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang disiarkan secara langsung menerusi Facebook dari kediamannya, semalam.

## SOP lebih ketat - PM

### Dari muka 1

“Saya percaya kesiapsiagaan sistem kesihatan kita akan membolehkan kita menangani penularan Covid-19 tanpa perlu menutup sektor-sektor ekonomi yang pernah dilakukan sebelum ini.

“Setakat ini, proses pemulihan ekonomi berjalan dengan lancar. Apa jua keputusan yang diambil, perlu mengambil kira kepentingan 15 juta rakyat yang keluar bekerja. Ini penting bagi menjamin kelangsungan hidup rakyat dan kestabilan ekonomi negara,” katanya dalam Perutusan Khas Perdana Menteri yang disiarkan secara langsung menerusi laman sosial Facebook dari kediamannya, di sini semalam.

Dalam pada itu, Perdana Menteri yang turut merasai kebingungan ibu bapa mengenai kehadiran anak-anak ke sekolah

memberitahu, kerajaan hanya akan menutup sekolah-sekolah di kawasan zon merah iaitu di Kota Kinabalu, Penampang, Putatan, Tawau, Lahad Datu, Kunak dan Semporna, Sabah.

Pada masa sama, kata beliau, Kementerian Pendidikan sentiasa memantau keadaan kes Covid-19 di sekolah-sekolah di seluruh negara dan jika ada sebarang kes melibatkan warga sekolah, kementerian akan bekerjasama rapat dengan Kementerian Kesihatan dalam menanganinya.

“Dalam hal ini, Kementerian Kesihatan akan memaklumkan kepada kementerian langkah-langkah yang perlu diambil bagi menjamin kesihatan dan keselamatan murid, guru dan kakitangan sekolah.

“Jika perlu, keputusan mengenai penutupan sekolah di seluruh negara akan dibuat di peringkat Sidang Khas Majlis

Keselamatan Negara Mengenai Pengurusan Covid-19 setelah menerima nasihat daripada Kementerian Kesihatan,” katanya.

Perdana Menteri turut memberikan jaminan untuk memberi notis yang mencukupi kepada orang ramai sebelum sebarang keputusan dilaksanakan terutama melibatkan sekatan pergerakan rentas negeri supaya tidak ada yang terkandas.

Katanya, begitu juga dengan perintah rentas negeri di Sabah dengan Semenanjung, Sarawak dan Labuan yang akan berkuatkuasa mulai 12 Oktober hingga 25 Oktober.

Menurutnya, langkah itu demi memberi lebih banyak masa sebelum sekatan dilakukan dan mengelakkan ramai penumpang yang bakal terkandas akibat kesuntukan masa membuat perubahan kepada jadual perjalanan mereka.